

22/07/1999

PM minta pemilihan calon tidak dipersoal

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini meminta ahli parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya tidak mempersoalkan pemilihan calon yang akan bertanding pada pilihan raya umum nanti.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, mereka perlu mengutamakan BN kerana semua 14 parti komponen hanya menggunakan satu lambang iaitu dacing, walaupun setiap parti mempunyai lambang, bendera dan lagu masing-masing.

"Yang penting, apabila keputusan dibuat, tidak ada soalan lagi. Dengan itu kita benar-benar berpegang kepada prinsip BN, yang menjadi tunggak kekuatan komponen selama ini.

"Kalau ada tidak puas hati, boleh merujuk kepada saya sebagai Pengerusi BN. Bagaimanapun apabila keputusan dibuat, ia perlu diterima oleh semua pihak," katanya pada Pelancaran Khemah Bina Negara Wanita Malaysia, di sini hari ini.

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman serta ketua wanita parti-parti komponen BN.

Dr Mahathir berkata, konsep gabungan itu, disokong majoriti rakyat negara ini, membolehkan kerajaan menjayakan setiap perancangan pembangunan ekonomi, politik dan sosial.

"Konsep ini perlu didokong sepenuhnya dengan memberi kepercayaan kepada BN dalam pilihan raya nanti. Yang penting bukan calon yang menang tetapi BN secara keseluruhannya, boleh membentuk kerajaan dengan majoriti besar.

"Kerjasama kukuh selama ini perlu dipertahankan. BN bukan kahwin mutaah seperti pakatan pembangkang, tetapi perkahwinan sehingga akhir hayat," katanya sambil menyifatkan kerjasama pembangkang - Pas, DAP, Keadilan dan PRM - tidak akan membawa kejayaan.

Beliau berkata, Umno akan terus mengekalkan kerjasama yang diasaskan pada 1952, walaupun ia boleh menubuhkan kerajaan sendiri selepas mengembangkan sayapnya ke Sabah.

"Adalah menjadi dasar Umno sejak dulu lagi tidak bertanding lebih 50 peratus kerusi. Ini kerana walaupun menang 100 peratus, Umno tidak boleh membentuk kerajaan.

"Saya percaya parti lain juga mempunyai pendirian serupa dan ini mengukuhkan semua parti yang bekerjasama," katanya.

Perdana Menteri berkata, BN hanya boleh menang jika semua parti komponen bekerjasama dan saling membantu supaya calon yang dipilih memenangi pilihan raya.

"Jika di tempat ini kita tolong parti lain, di tempat lain orang akan menolong kita pula. Jika ada pihak sabotaj di sini, parti lain akan sabotaj di tempat lain dan akhirnya kedua-dua kalah," katanya.

Dr Mahathir mengingatkan pemimpin akar umbi yang menyertai perkhemahan itu supaya tidak langsung membangkitkan mengenai siapa bakal menjadi calon.

"Kalau kita sudah tentukan orang ini menjadi calon, anggaplah dia sebagai calon BN dan kita sama-sama pastikan ia memperolehi kemenangan," katanya.

Sementara itu, pada sidang akhbar, Perdana Menteri berkata, BN belum membincangkan mengenai pengagihan kerusi kerana ia terlalu awal berikutan tarikh akhir pilihan raya ialah sembilan bulan lagi.

"BN boleh mengekalkan majoriti dua pertiga dalam pilihan raya nanti," katanya sambil menambah, kemenangan penting kerana pembangunan negara

bukan boleh dilakukan dalam sehari, tetapi mengambil masa panjang.  
(END)